

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH :

SOALAN :

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR menyatakan secara terperinci jumlah kelulusan
kawasan pembalakan di negeri Perak yang diluluskan oleh Majlis Tanah
Negara untuk tahun 2008 ke 2014.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertuan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jumlah keluasan kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Perak yang diluluskan untuk pembalakan dari tahun 2008 hingga 2014 adalah sebanyak 48,675 hektar. Manakala Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara ialah seluas 51,270 hektar.

Jumlah kawasan pembalakan dan CTT yang diluluskan di Negeri Perak dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Kawasan Pembalakan diluluskan		Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara
	Bil. Lesen	Luas (Ha)	Luas (Ha)
2008	90	6,220	7,770
2009	81	5,301	7,770
2010	95	6,767	7,770
2011	105	7,862	6,990
2012	96	6,985	6,990
2013	116	8,642	6,990
2014	93	6,898	6,990
JUMLAH		48,675	51,270

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

SOALAN : 231

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan jumlah pampasan yang akan atau perlu di bayar kepada ATES Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. atas pengambilalihan konsesi AES.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pengambilalihan telah selesai sepenuhnya dan pada masa ini, keseluruhan kepentingan dan pemilikan syarikat penyedia perkhidmatan AES telah diambil alih sepenuhnya oleh LTAT dan syarikat subsidiarinya iaitu Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad. Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.